

TARIKH	06 / 05 / 2014	SEKSYEN	NASIONAL
MUKA SURAT	1, 6	RUANGAN	

KAWAL UMRAH MACAM HAJI

// BUMITRA syor adakan badan khusus seperti Tabung Haji, kawal urusan ibadah umrah berikutan jumlah jemaah kini mencecah 200,000 orang setahun

// Tetapkan harga minimum pakej umrah bagi mengelak bakal jemaah terperangkap dengan tawaran harga murah serendah RM1,400

// Sifatkan isu penipuan pakej umrah kritikal, syarikat pengendali perlu diwajibkan mengambil lesen khas

▶ BERITA MUKA 6

Agensi pelancongan turut jadi mangsa

Kuala Lumpur: Bukan hanya individu, sebaliknya agensi pelancongan turut menjadi mangsa sindiket pakej umrah yang menyebabkan syarikat terbabit kerugian beratus-ratus ribu ringgit.

Raudhah Travel Umrah & Haji Services Sdn Bhd misalnya, kerugian RM127,800 kerana terpaksa membawa 20 jemaah ke tanah suci selepas ditipu pihak ketiga.

Pengarah Urusannya, Harisah Hussain, berkata sebuah syarikat yang tidak mempunyai lesen perniagaan untuk mengendalikan pelancongan luar negeri itu menghubungi pihaknya dan berjanji membawa 42 bakal jemaah umrah.

Atas dasar percaya

Katanya, atas dasar percaya untuk membantu syarikat yang lebih kecil, pihaknya bersetuju dengan menetapkan harga RM6,390 setiap jemaah bagi perjalanan umrah selama 11 hari.

"Tapi dua minggu selepas itu pihak terbabit kata hanya 20 jemaah boleh pergi dan membebankan cek. Ketika itu, semua urusan termasuk visa sudah diurus-



Antara jemaah umrah yang menyertai pakej Raudhah Umrah & Haji Services.

(FOTO HIASAN)

kan menyebabkan kami tidak boleh patah balik. Malangnya, cek yang mereka bagi adalah cek tendang dan mereka beritahu jemaah akan ke Makkah dengan Raudhah.

"Ketika itu, baru kami tahu

syarikat berkenaan hanya mengenakan bayaran RM2,800 kepada bakal umrah, menyebabkan kami terpaksa menanggung lebih bayaran bagi membawa semua jemaah umrah. Kami terpaksa bawa semua mereka dan

tidak mendapat bayaran satu sen kerana dikebas syarikat terbabit. "Kalau jemaah terbabit tidak berangkat ke Makkah nama Raudhah akan terjejas. Jadi, mahu tidak mahu kami terpaksa membawa jemaah umrah ini dan

INFO

Jumlah nilai tuntutan kes pakej umrah dari 2009 sehingga 2013

Tahun	Nilai Tuntutan (RM)
2009	261,352.50
2010	786,960.00
2011	2,690,762.00
2012	2,713,109.49
2013	4,378,894.07

© Sumber: Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia

menanggung kerugian lebih RM100,000," katanya.

Semalam, BH mendedahkan penipuan pakej umrah yang semakin kritikal berdasarkan pertambahan mendadak jumlah penipuan dan peningkatan jemaah umrah Malaysia yang melebihi 200,000 orang setahun.

Harisah yang memulakan perkhidmatan pengendalian umrah sejak 2007 menasihatkan orang ramai tidak mudah terpedaya dengan pakej umrah yang murah selain menyemak latar belakang ejen atau syarikat pelancongan yang membuat tawaran sedemikian.